

Tiada rombakkan Kabinet PH

*Semua menteri
Pakatan
Harapan telah
menunjukkan
prestasi
cemerlang*

JUNHAIRI ALYASA

Menjelang dua hari lagi kerajaan Pakatan Harapan (PH) genap setahun mentadbir negara, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengesahkan tiada sebarang rombakan Kabinet akan dilakukan.

Beliau yakin semua je-



DR MAHATHIR

maah menteri yang telah dilantik sejak kerajaan Pakatan Harapan (PH) dibentuk sebaik sahaja memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) kini sudah menunjukkan kebolehan dan prestasi cemerlang untuk mentadbir negara.

“Mereka selalu merujuk kepada saya kerana saya

ada pengalaman dan saya cuba ajar mereka dan pandu mereka supaya mereka boleh melakukan tugas. Saya lihat prestasi mereka cemerlang.

“Jadi saya tidak melihat sebarang sebab untuk menyusun semula Kabinet dan saya percaya mereka akan menjadi anggota Kabinet yang lebih baik berbanding mana-mana anggota Kabinet yang berpengalaman,” katanya pada sidang akhbar Setahun Pakatan Harapan di bangunan Perdana Putra di sini semalam.

Ketika ditanya markah yang boleh diberikan kepada anggota Kabinet terbahit, Dr Mahathir memberitahu, beliau memberikan lima daripada 10 markah

berdasarkan kepada pencapaian sejak setahun lalu.

“Saya katakan daripada 10, saya beri lima markah kepada mereka. Saya sangat konservatif kerana saya sudah berada dalam kerajaan selama 22 tahun, saya tahu bagaimana kerajaan berfungsi.

“Tetapi orang ini, orang baharu. Mereka tidak tahu bagaimana kerajaan berfungsi dan mereka begitu takut jika dituduh melakukan sebarang kesilapan dan ini menjadikan proses membuat keputusan sukar tetapi mereka belajar dengan cepat,” jelas beliau.